

24 FEB 2003

NAM-Rangkuman/I

KEAMANAN PALING UTAMA, KATA PEMIMPIN DAN ISTERI MEREKA

Oleh: Neville D'Cruz

KUALA LUMPUR, 24 Feb (Bernama) -- Tatkala pemimpin-pemimpin Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) memperkatakan mengenai ancaman perang dan harapan bagi keamanan pada Sidang Kemuncak Ke-13 NAM hari ini, Wanita-wanita Pertama NAM pula dengan tegas menyatakan: "Katakan Tidak Kepada Peperangan".

Seorang demi seorang pemimpin meluahkan harapan bagi penyelesaian aman terhadap konflik berkenaan dan juga terdapat rayuan sebulat suara kepada Iraq agar mematuhi resolusi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk memusnahkan senjata pemusnah besar-besaran miliknya bagi mengelakkan diserang Amerika Syarikat.

Mereka juga mendesak Israel untuk menghentikan penindasan berterusannya terhadap rakyat Palestin dan mengembalikan semula tanah yang diduduki mereka kepada rakyat Palestin yang telah sekian lama menderita. Krisis nuklear dengan Korea Utara turut membimbangkan pemimpin berkenaan.

Dialog Wanita Pertama yang julung kali diadakan menerima pakai satu pernyataan, yang antara lain, menggesa bagi keamanan dengan slogan : Katakan Tidak Kepada Peperangan.

Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, isteri Perdana Menteri Malaysia, berkata sebahagian besar pernyataan akhir dialog itu bertumpu pada kebimbangan wanita mengenai konflik bersenjata di beberapa bahagian di dunia.

Pernyataan itu diserahkan kepada Pengerusi NAM Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi kemungkinan dimasukkan ke dalam pernyataan pemimpin-pemimpin NAM yang akan dikeluarkan pada akhir sidang kemuncak mereka esok.

Dalam ucapan-ucapan hari ini, tema antiperang dibincangkan dengan mendalam.

Pujian juga turut diberikan kepada Dr Mahathir. Mereka berkata ucapan sulung Dr Mahathir selaku pengerusi NAM begitu menyeluruh dan mengandungi pandangan-pandangan yang dapat menjadikan dunia sebagai sebuah tempat yang lebih baik.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata harapan beliau bagi NAM yang lebih cergas untuk berjuang mengharamkan perang. "Perang perlu diharamkan," katanya.

"Ini akan menjadi perjuangan kita mulai sekarang. Kita perlu berjuang bagi keadilan dan kebebasan daripada penindasan, daripada hegemoni ekonomi. Namun kita perlu terlebih dahulu menyingkirkan ancaman perang."

Dr Mahathir berkata NAM perlu berusaha mengharamkan senjata nuklear, menghentikan penyelidikan dan pembangunan senjata kuno yang bahaya dan mengawal perdagangan senjata. "Kita sedar kita lemah. Tetapi kita juga ada sekutu di Utara. Mereka juga mahu menghapuskan perang, pembunuhan orang bagi apa juga alasan," katanya.

Setiausaha Agung PBB Kofi Annan meminta Iraq memberi kerjasama sepenuhnya kepada pasukan pemeriksa senjata bagi mengelak penderitaan rakyatnya.

Serangan AS boleh dielakkan tetapi keadaan adalah meruncing dan Annan merayu masyarakat dunia termasuk NAM agar memujuk Iraq mematuhi sepenuhnya resolusi Majlis Keselamatan PBB.

Annan dalam ucapan yang disampaikan oleh Lakhdar Brahimi, wakil khasnya bagi Afghanistan, berkata tatkala Iraq mendapat tumpuan, ia tidak seharusnya meleakakan NAM daripada menangani pelbagai cabaran politik, ekonomi, sosial, alam sekitar dan rantau.

Presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki menggesa Iraq agar bekerjasama dengan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan memeriksa senjata untuk memuaskan hati mereka bahawa ia tidak mempunyai senjata pemusnah besar-besaran.

Presiden Filipina Gloria Macapagal-Arroyo berkata keselamatan global sepatutnya diusahakan menerusi pelucutan senjata nuklear, penghapusan senjata pemusnah besar-besaran serta pelucutan senjata konvensional secara progresif dan seimbang.

Perdana Menteri India Atal Bihari Wajpayee yang bersetuju senjata pemusnah besar-besaran dihapuskan, berkata adalah penting Iraq menunaikan kewajipan yang dipersetujui termasuk pelucutan senjata.

"Sebagai rakan dalam NAM, ini adalah nasihat ikhlas kami kepada Iraq. Kami juga berharap jika Iraq patuh sepenuhnya, sekatan terhadap negara itu perlu ditarik balik," katanya.

Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong berkata negaranya berpendapat sebarang tindakan terhadap Iraq sama ada oleh AS atau pihak lain hendaklah berdasarkan undang-undang antarabangsa dan resolusi Majlis Keselamatan PBB.

"Dalam krisis ini, kita tidak boleh menutup mata kepada aspek kemanusiaan. Rakyat Iraq sudah cukup menderita," katanya.

Kumpulan Asia Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) melahirkan keyakinan bahawa Malaysia mampu memandu pergerakan itu ke arah masa depan yang bebas daripada perang, pertelagahan, kemiskinan dan penyakit.

Berucap sebagai wakil kumpulan itu, ketua delegasi Kuwait Sheikh Sabah Al-Ahmad Al-Jaber Al-Sabah berkata perkara itu hanya dapat dicapai melalui pendekatan pembaharuan dan penyuburan semula pergerakan itu.

Menteri Luar Belarus Mikhail Khvastov yang mewakili rantau Eropah menggesa anggota pergerakan itu bekerjasama memerangi keganasan antarabangsa, masalah ekonomi global, pencemaran alam sekitar dan jenayah merentasi sempadan.

Presiden Namibia Dr Sam Nujoma menggesa NAM mengukuhkan perpaduan bagi menangani perubahan dalam trend dasar luar ke arah kecenderungan bertindak terlebih dahulu dan unilaterisme.

Mewakili rantau Afrika, Nujoma berkata satu lagi cabaran yang dihadapi NAM ialah ketidaksamarataan dalam sistem perdagangan antarabangsa, seperti subsidi pertanian oleh kebanyakan negara maju yang telah mengganggu perdagangan kerana subsidi itu terus menjejaskan produktiviti para petani.

-- BERNAMA

NDC MFJ RHM MOZ